



KENYATAAN MEDIA

MALBATT 850-11 DI LUBNAN DALAM KEADAAN SELAMAT DAN TIADA SEBARANG KEMALANGAN JIWA MAHUPUN KEROSAKAN ASET

1. Susulan daripada situasi yang berlaku di Selatan Lubnan, saya ingin memaklumkan bahawa **status semasa pasukan Batalion Malaysia (MALBATT) 850-11 adalah dalam keadaan selamat dan tiada sebarang kemalangan jiwa mahupun kerosakan aset telah berlaku.**
2. Kesemua pasukan di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) termasuk pasukan MALBATT 850-11 yang beroperasi di Selatan Lubnan, telah diarahkan untuk **tidak melaksanakan operasi rondaan atau pergerakan logistik dan kekal di penempatan masing-masing.**
3. Mengambil kira keselamatan petugas, Markas UNIFIL telah **mengaktifkan perlindungan di dalam kubu (*bunker drill*)** mengikut prosedur yang telah ditetapkan sehingga keadaan terkawal.
4. **Sebarang perancangan untuk penarikan balik pegawai dan anggota pasukan MALBATT 850-11 ke Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan UNIFIL berdasarkan tahap keselamatan dan ancaman di dalam kawasan operasi.**
5. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terus memantau situasi di Selatan Lubnan dan akan mengemaskini sebarang perkembangan melibatkan pasukan MALBATT 850-11.

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

2 OKTOBER 2024